

2022/2023

www.lib.upm.edu.my



Perpustakaan
Sultan Abdul Samad

Blok A

Panduan **PERPUSTAKAAN**

*Perpustakaan Sultan Abdul Samad
dan Perpustakaan Caawangan*

PERTANIAN . INOVASI . KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE



Panduan **PERPUSTAKAAN**

*Perpustakaan Sultan Abdul Samad
dan Perpustakaan Caawangan*



KATA ALUAN KETUA PUSTAKAWAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya bagi pihak seluruh warga Perpustakaan mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan saudara/saudari menjadi sebahagian daripada warga UPM dan sekaligus menjadi ahli Perpustakaan UPM.

Keperluan pengguna menjadi keutamaan kami melalui penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Justeru itu, penambahbaikan proses kerja dilaksanakan secara berterusan dengan mengambil kira maklum balas pengguna bagi menyokong keperluan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Pengajuran program pembudayaan ilmu berbentuk latihan, kursus, seminar dan bengkel seperti Perkongsian Ilmu, Bengkel dan Seminar Kemahiran Maklumat & Penyelidikan, Program Literasi Maklumat dan sebagainya oleh Perpustakaan juga diadakan untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran warga UPM.

Melihat ke hadapan, Perpustakaan akan berusaha ke arah pelaksanaan pendigitalan perkhidmatan secara End-to-End (E2E) iaitu untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan dalam talian seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 bagi mendukung Sustainable Development Goals 2030 (SDG 2030), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang akan memberikan pengalaman baharu kepada pengguna.

Dengan transformasi ruang dalam Perpustakaan dan kemudahan ICT yang telah dinaik taraf, beberapa portal dan sistem yang telah dibangunkan seperti Portal Repositori FRSB, Portal Galeri Datuk Seri AR Lim Chong Keat, Portal e-Projek Bacelor Perubatan, Portal AGRIS dan juga Sistem Arkib iaitu Archive Management System (AMS), kami berharap ia dapat memberi kepuasan kepada pengguna dan dapat merealisasikan UPM sebagai sebuah Kampus Pintar di mana ia adalah salah satu daripada sebelas (11) aspirasi dalam Naratif Naib Cancelor 2022 agar terus relevan terhadap keperluan semasa.

Akhir kata, saya berharap perkhidmatan Perpustakaan dapat menjadi pemangkin ke arah minda kelas pertama dan seterusnya melahirkan pelajar sebagai sosok warganegara yang baik bagi memastikan matlamat universiti tercapai dan untuk menuju ke arah “Star Library”.

“GAPURA ILMU MERENTAS DUNIA”

Muzaffar Shah Kassim
Ketua Pustakawan
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia

KANDUNGAN

Kata Aluan Ketua Pustakawan	v
Pengenalan	1
Visi, Misi dan Dasar Kualiti	2
Waktu Perkhidmatan	3
Keahlian	3
Peraturan Perpustakaan	5
Etika Penampilan	6
Lokasi Koleksi	7
Pengelasan Bahan Perpustakaan	8
Nombor Panggilan dan Penyusunan Bahan di Rak	9
Kemudahan Perpustakaan	10
Perkhidmatan Perpustakaan	11
Portal Pencarian Maklumat Elektronik	15
Panduan Pengguna Perpustakaan	23
Penerbitan Perpustakaan	24
Pustakawan Penghubung	25
Pustakawan Penyelidik	27
Perpustakaan Cawangan:	
Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan	28
Perpustakaan Perubatan Veterinar	31
Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina	33
Perpustakaan Kampus Bintulu Sarawak	35
Direktori Perkhidmatan Perpustakaan	37
Direktori Pekerja	38

PENGENALAN



Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) merupakan Perpustakaan Utama dan mempunyai empat (4) buah cawangan iaitu Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan (PPSK), Perpustakaan Perubatan Veterinar (PPV), Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina (PKSB) dan Perpustakaan Kampus Bintulu Sarawak (PKBS). PSAS terdiri daripada dua blok bangunan berkembar yang mempunyai keluasan lantai kira-kira 19,007 meter persegi dan menyediakan tempat duduk untuk lebih 2,000 orang pengguna dalam satu masa. Bangunan ini dilengkapi dengan kemudahan Wi-Fi. Satu ruang khusus untuk pelajar pasca siswazah telah disediakan yang dikenali sebagai Anjung Siswazah yang terletak di Blok B. PSAS memiliki koleksi yang merangkumi bahan bercetak, media dan elektronik. Perpustakaan juga melanggan pangkalan data dan jurnal elektronik dengan teks penuh dalam pelbagai bidang. Pengguna boleh mengakses koleksi perpustakaan dari dalam dan luar kampus melalui laman web perpustakaan.

VISI

Menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa.

MISI

Memberi sumbangan bermakna kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan dan menyebarluaskan ilmu.

PIAGAM PELANGGAN

Pekerja Universiti Putra Malaysia komited dalam mencapai kecemerlangan melalui penerapan budaya kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan sokongan untuk mencapai matlamat pelan strategik universiti. Pekerja Universiti Putra Malaysia akan sentiasa melaksanakan tanggungjawab dalam mencapai objektif kualiti yang ditetapkan serta memastikan objektif kualiti tersebut dikaji dari semasa ke semasa supaya selaras dengan visi, misi dan matlamat UPM.

WAKTU PERKHIDMATAN

HARI	SEMESTER	CUTI SEMESTER
Isnin – Jumaat	8.30 pagi – 10.45 malam	8.30 pagi – 6.45 petang
Sabtu (Minggu ke-2 dan Minggu ke-4)	8.30 pagi – 3.45 petang	8.30 pagi – 3.45 petang
Ahad	8.30 pagi – 3.45 petang	Tutup
Cuti Umum	Tutup	Tutup

- ❖ Jumaat waktu rehat servis kaunter di semua perpustakaan ditutup.
- ❖ Waktu perkhidmatan perpustakaan boleh berubah dari semasa ke semasa. Sila rujuk laman web perpustakaan atau notis papan kenyataan perpustakaan untuk makluman terkini.

KEAHLIAN

PELAJAR	KELAYAKAN / TEMPOH PINJAMAN
Pelajar Asasi Sains / Diploma	6 naskhah / 14 hari
Pelajar Ijazah	10 naskhah / 14 hari
Pelajar Ijazah (Pendidikan Jarak Jauh)	10 naskhah / 30 hari
Pelajar Perubatan Klinikal / Veterinar	10 naskhah / 30 hari
Pelajar Ijazah Lanjutan	20 naskhah / 30 hari
Pelajar tanpa Ijazah	4 naskhah / 14 hari
Kursus Khas (Kursus Jangka Pendek)	2 naskhah / 14 hari
PEGAWAI / KAKITANGAN	KELAYAKAN / TEMPOH PINJAMAN
Pegawai Pengurusan dan Profesional (Tetap)	30 naskhah / 60 hari
Pegawai Akademik: Pensyarah Tetap	30 naskhah / 60 hari
Pegawai Sokongan	6 naskhah / 14 hari
Pensyarah Kontrak / Tutor	10 naskhah / 30 hari
Pensyarah Sambilan, Pegawai Kontrak, Pegawai Sokongan Sementara, Pembantu Penyelidik	4 naskhah / 14 hari

*Semua kakitangan dan pelajar UPM secara automatik adalah ahli perpustakaan.

AHLI LUAR BERDAFTAR

Anggota Luar	Kelayakan Pinjaman	Bayaran Keahlian	Keperluan Lain
Pegawai UA / Pelajar UA / Pegawai Kerajaan / Badan Berkanun / Alumni UPM	2 naskhah / 14 hari	Yuran Tahunan = RM100.00 Pendaftaran + Kad = RM10.00	<ul style="list-style-type: none"> ● 1 keping gambar ● Kad staf / pelajar / Pengesahan Dekan / Ketua Jabatan ● Kad Ahli Alumni / Surat Alumni UPM
Pegawai IPTS / Pelajar IPTS	2 naskhah / 14 hari	Yuran Tahunan = RM300.00 Pendaftaran + Kad = RM30.00	<ul style="list-style-type: none"> ● 1 keping gambar ● Kad staf / pelajar ● Surat Pengesahan Dekan / Ketua Jabatan / Majikan
Pegawai Swasta / Pegawai Korporat	2 naskhah / 14 hari	Yuran Tahunan = RM500.00 Pendaftaran + Kad = RM30.00	
Ahli Keluarga Kakitangan Tetap UPM	2 naskhah / 14 hari	<ul style="list-style-type: none"> ● Percuma ● Keahlian tidak perlu diperbaharui 	<ul style="list-style-type: none"> ● 1 keping gambar ● Pengesahan Dekan / Ketua Jabatan
Pesara UPM	4 naskhah / 14 hari		
Ahli Harian	-	Yuran Tahunan = TIADA Pendaftaran + Kad = RM20.00 / hari	** Daftar di Kaunter Sirkulasi

A. Nota Kelayakan Perkhidmatan dan Kemudahan Ahli Luar Berdaftar:

1. Kemudahan komputer dan mengakses pangkalan data dalam talian hanya di Bilik Rujukan Elektronik sahaja selama 2 jam.
2. Rujukan di SEMUA Koleksi Bercetak *(kecuali koleksi Tesis berstatus “Embargo”).
3. Kemudahan internet tanpa wayar (WIFI) & Perkhidmatan Pembekalan Dokumen (ILL) TIDAK DITAWARKAN kepada semua Ahli Luar dan Pelawat.

B. Nota Ahli Harian:

Pelajar atau pegawai luar yang tidak berdaftar secara keahlian tahunan perlu mendaftar dan membayar yuran ahli harian bagi mengakses koleksi tesis bercetak (bagi pegawai swasta/pegawai dan pelajar IPTS sahaja) dan kemudahan Bilik Rujukan Elektronik pada setiap kali datang ke perpustakaan.



PERATURAN PERPUSTAKAAN

1. Kelewatan memulangkan buku
 - Denda sebanyak RM0.20 sen sehari akan dikenakan bagi setiap buku yang lewat dipulangkan.
 - Denda boleh dibayar di semua Kaunter Sirkulasi di Perpustakaan Utama dan Cawangan.
 - Semua transaksi pinjaman dan pembaharuan buku akan disekat sekiranya pengguna mempunyai denda yang belum dijelaskan.
 - Denda yang melebihi 2 bulan:
 - Pelajar - denda akan dipindahkan ke Lejar Hutang Pelajar.
 - Staf - pemotongan gaji akan dilakukan.
2. Buku hilang/basah/rosak
 - Pastikan fizikal buku dalam keadaan baik sebelum membuat pinjaman. Sekiranya tidak, peminjam perlu mendapatkan cop "Bahan Telah Rosak" di Kaunter Sirkulasi sebelum meneruskan pinjaman.
 - Sekiranya buku yang dipinjam hilang, laporkan segera di Kaunter Sirkulasi Perpustakaan Utama atau Cawangan, untuk tindakan selanjutnya:
 - Membuat penggantian buku + bayaran perkhidmatan + denda, atau
 - Bayar harga buku + bayaran perkhidmatan + denda
 - Bagi buku yang dipulangkan dalam keadaan basah/rosak, pengguna juga bertanggungjawab untuk membuat penggantian/pembayaran.
3. Mencuri atau mengoyak bahan Perpustakaan boleh menyebabkan pengguna didenda.
4. Sebarang bentuk penyalinan maklumat menggunakan peralatan elektronik tidak dibenarkan.
5. Pengguna tidak dibenarkan menempah tempat duduk di ruang bacaan Perpustakaan.
6. Kanak-kanak di bawah umur 10 tahun tidak dibenarkan masuk ke Perpustakaan.
7. Pengguna Perpustakaan tidak dibenarkan tidur, makan dan menelaah nota di dalam surau.
8. Anda ditegah membuat bising sepanjang berada di dalam Perpustakaan.
9. Ketua Pustakawan mempunyai kuasa untuk meminda peraturan Perpustakaan jika dirasakan perlu.

ETIKA PENAMPILAN

Pelajar hendaklah sentiasa mematuhi Etika Penampilan Pelajar yang telah ditetapkan oleh Universiti. Pihak Perpustakaan berhak untuk mengambil tindakan sekiranya pelajar tidak mematuhi etika yang telah ditetapkan.





LOKASI KOLEKSI

BLOK A		BLOK B
Lokasi	Koleksi	Koleksi
Aras Bawah	<ul style="list-style-type: none">• Koleksi Arkib• Koleksi Bahan Pandang Dengar• Koleksi Peta	<ul style="list-style-type: none">• Koleksi Terbitan Bersiri (Jurnal Berjilid)
Aras 1	<ul style="list-style-type: none">• Koleksi Bibliografi• Koleksi Fiksyen• Koleksi Rujukan	
Aras 2	<ul style="list-style-type: none">• Koleksi Am• Koleksi Bahasa Asing	<ul style="list-style-type: none">• Koleksi Buku Berbintik Merah• Koleksi Laporan Projek• Koleksi Laporan Syarikat• Koleksi Pertanian Malaysia• Koleksi Pendidikan Jarak Jauh• Koleksi Penerbitan Pegawai UPM• Koleksi Prof. Chin• Koleksi Terhad• Koleksi Tesis

PENGKELASAN BAHAN PERPUSTAKAAN

Bahan-bahan perpustakaan dikelaskan mengikut Skim Pengkelasan *Library of Congress*. Ini adalah untuk memudahkan pengguna melakukan pencarian bahan di rak.

Skim Pengkelasan *Library of Congress* (LC)

Kelas	Perkara	Kelas	Perkara
A	Buku Am	QA	Matematik
B	Falsafah, Psikologi dan Agama	QB	Astronomi
BP	Agama Islam	QC	Fizik
C, D, E, F	Sejarah	QD	Kimia
G	Geografi, Antropologi, Rekreasi	QE	Geologi
H	Sains Kemasyarakatan	QH	Sejarah Semula Jadi
HA	Statistik	QK	Botani
HB	Teori Ekonomi	QL	Zoologi
HE	Pengangkutan dan Perhubungan	QM	Anatomi Manusia
HF	Perdagangan	QP	Fisiologi
HG	Kewangan	QR	Mikrobiologi
HM	Sosiologi	R	Perubatan
HN	Sejarah dan Keperihalan Sosial	S	Pertanian
HQ	Famili, Perkahwinan, Wanita	SB	Kultur Tanaman
HS	Pertubuhan	SD	Perhutanan
HT	Masyarakat, Kelas, Bangsa	SF	Sains Haiwan
HV	Patologi Sosial	SH	Akuakultur, Perikanan
J	Sains Politik	SK	Sukan Perburuan
K	Undang-undang	T	Teknologi
L	Pendidikan	TT	Gubahan dan Seni Reka
M	Muzik	TX	Ekonomi Rumahtangga
N	Seni Halus	U	Sains Ketenteraan
P	Bahasa dan Kesusastraan	V	Sains Ketenteraan Laut
Q	Sains	Z	Sains Perpustakaan

NOMBOR PANGGILAN DAN PENYUSUNAN BAHAN DI RAK

Setiap bahan Perpustakaan mempunyai nombor panggilan. Nombor panggilan adalah petunjuk kepada lokasi bahan di rak.

Contoh: DS599 K8A238

DS Perkara (Sejarah)

599 Pengkelasan perkara (Sejarah Malaysia)

K8 Pengkelasan perkara mengikut kawasan (Kuala Lumpur)

A238 Nombor entri pengarang

2007 Tahun penerbitan



Bahan di rak disusun mengikut abjad nombor panggilan

KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN

- Anjung Siswazah
- Auditorium
- Bilik karel
- Bilik Latihan
- Bilik Pandang Dengar (BPD)
- Bilik penggunaan telefon
- Bilik perbincangan
- Bilik perkhidmatan braille
- Bilik Rujukan Elektronik
- Internet tanpa wayar
- JomPrint@Lib
- Kemudahan orang kurang upaya
- Kotak pemulangan buku
- Laci berkunci
- Mesin pinjaman layan diri
- Pantri pelajar
- Penapis air
- Surau
- Kod QR WebOPAC





PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

1. PERKHIDMATAN RUJUKAN

Perkhidmatan rujukan disediakan untuk membantu pengguna mendapatkan maklumat yang diinginkan, termasuklah pencarian dan mendapatkan bahan perpustakaan, perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan secara bersemuka, telefon, emel, surat, faksimili atau sembang dalam talian.

Perkhidmatan ini terbahagi kepada tiga kategori:

a) **Meja Penasihat Pengguna**

Pengguna boleh bertanya kepada Pustakawan atau Penolong Pustakawan yang bertugas di Meja Penasihat Pengguna bagi soalan rujukan pantas.

b) **Dalam Pejabat**

Pengguna boleh berjumpa dengan Pustakawan Penghubung di Bahagian Rujukan dan Perpustakaan Cawangan, serta Pustakawan Penyelidik di Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat bagi mendapatkan konsultansi dan bimbingan dalam tugas akademik.

c) **Perkhidmatan Rujukan dalam Talian**

Pengguna boleh berkomunikasi dengan pustakawan melalui aplikasi Whatsapp dan telefon untuk mendapatkan maklum balas segera mengenai perpustakaan dan tunjuk ajar dalam pencarian maklumat.

2. PERKHIDMATAN SIRKULASI

Perkhidmatan sirkulasi (pinjaman, pemulangan, pembaharuan dan tempahan bahan) disediakan untuk semua pelajar, kakitangan UPM dan ahli yang berdaftar. Kelayakan pinjaman adalah mengikut kategori pengguna. Pinjaman boleh dibuat di mesin pinjaman layan diri dan pemulangan boleh dibuat melalui kotak pemulangan buku di ruang legar PSAS. Selain itu, pengguna juga boleh berurusan di kaunter sirkulasi untuk mendapatkan perkhidmatan ini.

3. PERKHIDMATAN PEMBEKALAN DOKUMEN

Perkhidmatan Pembekalan Dokumen membantu pengguna mendapatkan bahan yang tiada di dalam koleksi perpustakaan melalui kerjasama antara perpustakaan sama ada dari dalam maupun luar negara mengikut kepada terma dan syarat yang ditetapkan. Permohonan hanya dibenarkan untuk tujuan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan sahaja. Semua permohonan adalah tertakluk dibawah Akta Hak Cipta.

Pengguna perlu mengisi borang secara dalam talian melalui [EZaccess](#).

4. PERKHIDMATAN PENELITIAN MAKLUMAT

Perkhidmatan Penelitian Maklumat disediakan untuk memberi khidmat nasihat/perundingan dalam pencarian maklumat kepada pelajar dan kakitangan yang sedang menjalankan projek penyelidikan, kertas kerja dan kerja kursus. Pustakawan dan Penolong Pustakawan akan melakukan penelitian maklumat berdasarkan topik pemohon dengan mendapatkan maklumat di pangkalan data yang bersesuaian dan akan menyediakan senarai rujukan. Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan berbayar yang dijalankan di Bahagian Rujukan. Berikut ialah senarai kadar bayaran perkhidmatan penelitian maklumat:

[Senarai kadar bayaran perkhidmatan penelitian maklumat](#)

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Puan Norazira Mohamed

Tel: 03-9769 1577

Emel: norazira@upm.edu.my

5. PROGRAM LITERASI MAKLUMAT

Program Literasi Maklumat merupakan program tunjuk ajar bagi membantu pengguna menggunakan segala kemudahan, perkhidmatan dan sumber maklumat yang disediakan oleh Perpustakaan dengan lebih efisien dan berkesan. Program ini terbahagi kepada 3:

a) Sesi Pengenalan Perpustakaan

Kursus ini disediakan untuk semua pelajar baharu dan diadakan pada awal semester pertama setiap sesi pengambilan pelajar baharu. Kandungan kursus ini meliputi taklimat mengenai kemudahan, perkhidmatan dan koleksi Perpustakaan, lawatan berpandu serta sesi tunjuk ajar penggunaan Katalog Perpustakaan.

b) Kelas Berjadual

Kelas Berjadual dijalankan secara berterusan dan ditawarkan kepada semua pelajar dan kakitangan. Jadual program ini dipaparkan di laman web Perpustakaan dan Buletin UPM. Kelas

ini dikendalikan oleh Pustakawan Penghubung. Modul kelas yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Pengenalan Perpustakaan
- Strategi Pencarian Maklumat
- Katalog Perpustakaan (WebOPAC)
- Kemahiran Pencarian Maklumat menggunakan pangkalan data dalam talian / e-jurnal / e-buku
- Pengurusan Rujukan : Mendeley
- Turnitin (Pelajar & Pensyarah)
- Penerbitan dalam Jurnal yang Diindeks

c) Kelas Permohonan

Permohonan kelas perpustakaan adalah melalui Pustakawan Penghubung. Pemohon boleh memilih modul yang ingin dipelajari dan menetapkan masa kelas mengikut kesesuaian mereka.

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Puan Rusniah Sayuti

Tel: 03-9769 8625

Emel: rusniah@upm.edu.my

6. PENDIDIKAN JARAK JAUH

Perkhidmatan ini disediakan untuk pelajar Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) bagi memenuhi keperluan maklumat pembelajaran dan penyelidikan mereka. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah:

- Perkhidmatan Pinjaman Buku
- Tempahan Buku
- Pembaharuan Pinjaman
- Perkhidmatan Penelitian Maklumat
- Surat Rujukan ke Perpustakaan lain
- Perkhidmatan Pembekalan Dokumen
- Program Literasi Maklumat
- Khidmat Nasihat Penyelidikan Secara Individu

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Puan Najah Mohd Ali

Tel: 03-9769 7945

Emel: najah@upm.edu.my

7. PERKHIDMATAN PENGESAHAN STATUS JURNAL

Perkhidmatan ini bertujuan untuk membantu pelajar dan kakitangan UPM dalam memilih jurnal akademik yang bersesuaian untuk penerbitan artikel. Pustakawan akan mengesahkan sama ada jurnal tersebut diindeks di Scopus, Journal Citation Report (JCR) atau Excellence in Research for Australia (ERA). Pengesahan ini penting untuk memastikan bahawa mereka memilih jurnal berimpak tinggi dalam menerbitkan artikel akademik.

Perkhidmatan Pengesahan Status Jurnal dikendalikan oleh Pustakawan di Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat. Borang Pengesahan Status Jurnal yang boleh dimuat turun di <https://lib.upm.edu.my/faildokumen>

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Puan Liza Ab Llah

Tel: 03-9769 8655

Emel: psas_sp@upm.edu.my

8. PERKHIDMATAN PANDU LALU & PENGHANTARAN BUKU

Perkhidmatan ini terbuka kepada semua staf dan pelajar UPM yang berstatus aktif. Ia tertakluk kepada kelayakan pinjaman dan terhad kepada Koleksi "Open Shelves" di Perpustakaan Utama sahaja. Pencarian dan permohonan buku boleh dibuat secara atas talian melalui Sistem Katalog KOHA WebOPAC <http://www.elib.upm.edu.my/>

Semua permohonan akan diproses dalam 2 hari bekerja. [Jika permohonan dibuat sebelum jam 2.00 petang, ia akan diproses pada hari yang sama. Sekiranya permohonan dibuat selepas jam 2.00 petang, ia akan diproses pada hari bekerja berikutnya]. Permohonan akan dimaklumkan melalui emel sama ada permohonan berjaya atau tidak berjaya.

Pandu Lalu : Buku boleh diambil di kaunter Anjung Siswazah (Aras Bawah, Blok B).

Penghantaran Buku : Buku akan dihantar terus ke pemohon dengan menggunakan perkhidmatan e-Hailing (Caj perkhidmatan akan ditanggung oleh pemohon).

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi talian berikut 03-9769 8635 atau emel kepada psasrequest@upm.edu.my



PORTAL PENCARIAN MAKLUMAT ELEKTRONIK

 **UPM**
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERJAYA BERSEMBAHAN

International Information System for the Agricultural Science and Technology (AGRIS)

Home My DSpace Browse Search Language Help About DSpace

Communities in DSpace
[Institute \[20889\]](#) [Library \[0\]](#)

Feeds
[RSS 2.0](#) [ATOM FEED](#)

Contact:
[Administrator](#)

[User Guide \(Download\)](#)

Links:
[AGRIS \(FAO\)](#),
[Repositories:](#)

Malaysian Agriculture Repository >

MALAYSIAN AGRIS DATABASE

Malaysian AGRIS is a database that contains bibliographic records of agricultural science and technology, including forestry, animal husbandry, fisheries, food science and environmental science; covering the geography, history, education, information development, economics, sociology, engineering and other related fields. The materials indexed in this database consists of journal articles, books, book chapters, monographs and conference papers published in Malaysia.

Beginning in April 1979, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM has been appointed as the National Center of AGRIS and responsible for collecting and documenting material in the field of agricultural science and technology in Malaysia and becomes a data provider to the FAO AGRIS database.

<http://agrism.upm.edu.my:8080/oai/request?verb=Identify>
http://agrism.upm.edu.my:8080/oai/request?verb>ListRecords&metadataPrefix=oai_dc

AGRIS Malaysia adalah pangkalan data yang mengandungi maklumat bibliografi mengenai sains dan teknologi pertanian, termasuk perhutanan, perikanan, sains makanan dan lain-lain. Bahan-bahan yang diindeks dalam pangkalan data ini terdiri daripada artikel jurnal, buku, bab dalam buku, monograf dan kertas persidangan yang diterbitkan di Malaysia.

url: <http://www.agris.upm.edu.my:8080/dspace/>

MyAgric merupakan portal yang mengandungi maklumat mengenai sains dan teknologi pertanian, termasuk perhutanan, sains penternakan, perikanan, sains makanan, sains alam sekitar dan sumber alam. Konsep portal ini terdiri daripada pautan-pautan dan katalog induk yang memberi maklumat berkaitan Pertanian Malaysia.

url: <http://myagric.upm.edu.my/>

Memory@Serdang adalah arkib dalam talian yang mengandungi koleksi gambar, video dan audio yang mempunyai nilai akademik dan juga sejarah kepada Universiti Putra Malaysia. Koleksi yang terdapat dalam portal ini adalah sejak dari penubuhan Sekolah Pertanian hingga kini.

url: <http://serdangmemory.upm.edu.my/resourcespace/pages/home.php>

KOHA WebOPAC merupakan katalog perpustakaan dalam talian yang digunakan untuk mengesan dan menyemak status bahan yang terdapat di dalam koleksi perpustakaan. Maklumat nombor panggilan, lokasi dan status bahan akan memudahkan pengguna mendapatkan bahan di rak.

url: <http://www.elib.upm.edu.my/>

Repositori Institusi Universiti Putra Malaysia (UPMIR) merupakan arkib dalam talian yang berfungsi sebagai pusat pengumpulan, penyimpanan dan penyebaran maklumat saintifik dan penyelidikan di Universiti Putra Malaysia. Koleksi yang terdapat dalam UPMIR adalah artikel jurnal, tesis, kertas persidangan, buku, bab dalam buku, keratan akhbar dan lain-lain.

url: <http://www.psasir.upm.edu.my/>



AGRI@UPM

AGRICULTURE » AGRICULTURAL EXTENSION

AGRICULTURE » PLANT PROPAGATION

AGRICULTURE » URBAN AGRICULTURE

AGRICULTURE » MODERN FARMING

Agri@UPM mengandungi sumber maklumat pertanian mengikut topik/subjek yang ditetapkan. Pembangunan portal ini bertujuan untuk menyokong kebolehlihatan maklumat pertanian di UPM. Kandungan portal ini terdiri daripada senarai penulisan pensyarah/penyelidik UPM, senarai bahan rujukan Malaysia mengikut bidang, senarai pakar di UPM mengikut bidang, berita, kandungan *tutorial* bersifat rujukan, bahan rujukan di PSAS mengikut bidang dan pusat tanggung jawab yang terlibat mengikut topik/subjek yang telah dikenal pasti.

url: <https://upm.edu.my/agri/>

The screenshot shows the homepage of the PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD (PSAS) at Universiti Putra Malaysia. The header features the Malaysian coat of arms, the UPM logo, and the text "PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD" and "UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA". Below the header is a search bar with fields for "Search:", "All Fields", and "Find" buttons, along with a link to "Advanced". The main content area includes sections for "PSAS Discovery@Lib" and "Facts and Figure". The "PSAS Discovery@Lib" section describes it as a portal for searching library collections like books, ebooks, theses, and articles. The "Facts and Figure" section provides statistics such as 574,235 metadata records, 381,000 books, 60,000 ebooks, 34,000 articles, and 73,000 theses & dissertations.

Discovery@Lib merupakan sebuah portal pencarian maklumat setempat yang dibangunkan untuk memudahkan pengguna perpustakaan membuat pencarian maklumat dari koleksi perpustakaan seperti buku, tesis, artikel, kertas persidangan dan lain-lain. Portal ini mengindeks 5 sistem aplikasi utama di PSAS (KOHA WebOPAC, UPMIR, UPM eTheses, MyAgric and AGRIS) dan 5 pangkalan data e-buku yang dilanggan.

url: <http://discoverylib.upm.edu.my/discovery/>

The screenshot shows the EZaccess library search interface. At the top left is the UPM logo and the text "UPM PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD EZaccess". Below this is a "Resource List" menu with letters A through Z and a "#". A "Category" dropdown set to "- Any -" and a "Filter" button are also present. A dark header bar contains the text "Resource Name". Below this is a card for "AMSTERDAM UNIVERSITY PRESS (AUP)". The card features the "AX UP PX" logo, the text "Amsterdam University Press", and a brief description: "Available on: IG Library", "Subject: Social Sciences, Sociology & Anthropology; Political Science; Economics; Recreational & Performing Arts; Medical Sciences; Medicine; Law; German & Related Literatures; Psychology; General History Of Europe; History", and "Coverage: 1996 - 2010". A blue "E-BOOKS" button is at the bottom right.

EZaccess adalah pelayan proksi web yang digunakan oleh perpustakaan untuk memberikan akses dari luar rangkaian komputer perpustakaan ke laman web pangkalan data dan jurnal yang dilanggan oleh PSAS. Pengguna boleh log masuk menggunakan UPM-ID.

url: <https://ezaccess.upm.edu.my/>

The screenshot shows the UPM eTheses portal. The header features the UPM logo and the text "UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA eTHESES". The navigation bar includes "Home", "About", "Browse", "Search the repository", "Search", and "Advanced Search". On the left, there are links for "Repository Statistics" and "Login". The main content area is titled "Welcome to UPM eTheses". It includes a "About UPM eTheses" section with a note about copyright and links for Atom, RSS 1.0, and RSS 2.0 feeds.


UPM eTheses mengandungi teks penuh tesis, disertasi dan laporan projek pelajar pasca siswazah Universiti Putra Malaysia.

url: <https://ethesis.upm.edu.my>

Panduan PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Sultan Abdul Samad
dan Perpustakaan Caawangan

2022/2023



The image shows the homepage of the Subject Guides @ PSAS website. It features a header with a green and white design, followed by a large photograph of a desk with a laptop, a pen, and some papers. Below the photograph, there are two main sections: 'SUBJECT GUIDES @ PSAS' and 'LIAISON LIBRARIAN'. Each section includes a brief description, a small image, and a 'Read More' button.

SUBJECT GUIDES @ PSAS

Subject Guides is our initiative in providing better services for lecturers, researchers and students in preparing their research works. It also provides tips and guides as well as constant source of information.

SUBJECT GUIDES

Our librarians prepared these guides to show you the variety of resources you can access in the Library and online, including databases, ejournals, ebooks and websites. Choose your area of study and explore the available subject guides.

[» Browse by Subjects](#)


LIAISON LIBRARIAN

In order to support and reinforce learning activities, teaching and research at UPM, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) has introduced a service offered by Liaison Librarian. Through this program, PSAS has appointed a Librarian who will be responsible directly to the faculty, school, institute and center represented.

[Get to know your Liaison »](#)

Subject Guides adalah inisiatif perpustakaan dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih baik untuk pensyarah, penyelidik dan pelajar dalam menyiapkan penyelidikan mereka. Ia juga memberikan tip dan panduan serta cadangan sumber maklumat yang bersesuaian dengan subjek.

url: <http://subjects.upm.edu.my/sg/>



The image shows the homepage of the UPM DATA BANK website. It features a header with the UPM logo and a search bar, followed by a large photograph of a laptop, a keyboard, and a smartphone on a wooden desk. Below the photograph, there is a disclaimer about the memorandum of understanding between JP and UPM, and a note about the use of microdata.

UPM DATA BANK

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

HOME DIREKSI CARIS PANDUAN JENIS DATA STATISTIK HARI INI MULAI TURUN EDARAN HURUNG KAMI

Bank Data UPM ini ditubuhkan hasil daripada memorandum persefahaman antara Jabatan Perangkaan Malaysia (JP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Memorandum persefahaman ini dibuat pada 22 Februari 2016 yang meliputi bidang kerjasama dalam penyelidikan dan perkongsian ilmu statistik.

Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) telah menerahkan tanggungjawab menggunakan perkhidmatan data mikro kepada Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Sekjen Perkhidmatan Penyelidikan, Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat (BPPMI). PSAS diharati tanggungjawab untuk menggunakan perkhidmatan data mikro JP di UPM.

Search...

Bank Data UPM ini ditubuhkan hasil daripada memorandum persefahaman antara Jabatan Perangkaan Malaysia (JP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Memorandum persefahaman ini dibuat pada 22 Februari 2016 yang meliputi bidang kerjasama dalam penyelidikan dan perkongsian ilmu statistik.

url: <http://upmdatabank.upm.edu.my/upmdatabank/>

Portal Hab Maklumat Penyelidikan PSAS merupakan portal yang menyediakan pelbagai maklumat penyelidikan untuk para pensyarah dan pelajar. Portal ini dibangunkan oleh Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat.

url: <http://infohub.upm.edu.my>

Portal Kursus Perpustakaan Sultan Abdul Samad mengandungi maklumat berkaitan kursus latihan yang dianjurkan oleh PSAS.

url: <http://courseslib.upm.edu.my/courseslib/>

The screenshot shows the homepage of the ERA UPM website. At the top, there is a navigation bar with the UPM logo, followed by three buttons: 'HOME' (yellow), 'VIEW ERA LISTING' (yellow), and 'LATEST LIST 2018' (red). Below the navigation bar, the main title 'Excellence in Research for Australia (ERA)' is displayed in large white text against a purple background with a network graphic. A descriptive text block follows, stating: 'Excellence in Research for Australia (ERA) is national assessment exercise managed by the Australian Research Council (ARC), which aims to identify and promote excellence across the full spectrum of research activity occurring within Australia's higher education institutions.' Below this text is a button labeled 'VISIT THE OFFICIAL ERA WEBSITE'. To the right of the title, there is a photograph of a smartphone displaying a graph, resting on a surface covered with various charts and data visualizations, including a pie chart and a bar chart.

ERA UPM © 2021
Systems & Information Technology Division
Sultan Abdul Samad Library (PSAS), UPM


